

## Strategi jayakan projek RMK-9

- Memastikan keberkesanan perkhidmatan dan pengurusan kerajaan negeri, sistem penyampaian dan daya saing.
- Peningkat sistem rasionalisasi, penyelarasan dan perundingan menerusi mekanisme khusus di kalangan agensi pelaksana negeri dan Persekutuan.
- Sediakan infrastruktur ekonomi dan kemudahan asas bagi merangsang perkembangan ekonomi (nilai tambah) ke arah mendokong sektor hala tuju.
- Pastikan penggunaan sumber asli diurus dengan mapan dan persekitaran alam semula jadi dilindungi secara berkesan.
- Bangunkan modal insan sebagai ejen dan pemangkin dalam pertumbuhan ekonomi moden dan pembangunan akhlak.
- Pastikan rakyat nikmati peningkatan kesejahteraan menerusi pendekatan kualiti hidup.

# RMK-9: Amanah besar menanti di hadapan

**P**ERUNTUKAN kedua tertinggi yang diterima Sabah menerusi Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) lebih menjurus kepada amanah besar yang perlu dilaksanakan sebaik mungkin.

Sambil memberi komitmen kerajaan negeri untuk menyiapkan semua projek dirancang mengikut jadual, Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman, berkata peruntukan besar itu adalah tanggungjawab besar yang menguji ketahanan, keupayaan dan kemampuan melaksanakannya.

Katanya, peruntukan yang disediakan menerusi RMK-9 bukan sekadar soal projek atau kontrak untuk diraih, tetapi lebih kepada memenuhi kehendak dan aspirasi rakyat.

Tegas beliau, ia juga tidak harus dilihat daripada aspek jumlah peruntukan yang bakal disalurkan, tetapi lebih penting adalah soal

sumbangan dan manfaat menyeluruh kepada rakyat.

"Peruntukan besar itu tentulah diiringi dengan harapan besar dan harapan besar itu pula datang dengan amanah dan tanggungjawab besar, baik kepada pemimpin kerajaan mahupun rakyat sendiri," katanya.

Sehubungan itu, beliau menegaskan, kerajaan negeri menetapkan supaya sistem penyampaian diemas kini dan diperkukuh bagi memastikan tiada lagi projek tertangguh atau gagal disiapkan sepanjang tempoh rancangan pembangunan kali ini.

RMK-9 yang dibentang pada 31 Mac lalu menyaksikan Sabah menerusi peruntukan RM15.7 bilion, mengatasi RM13.2 bilion yang diterima sepanjang Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8).

Ia tidak termasuk peruntukan menerusi Inisiatif Pembiayaan

Swasta sebanyak RM1.28 bilion, sekali gus menjadikan keseluruhan peruntukan Sabah sepanjang RMK-9 berjumlah RM16.9 bilion.

Musa yang juga Menteri Kewangan Sabah turut mengadakan perjumpaan dengan pegawai daerah serta jabatan kerajaan berkaitan, disusuli seminar khas mengenai RMK-9.

Beliau berkata, kedua-dua program itu diatur kerajaan negeri dengan matlamat memastikan keberkesanan pelaksanaan dalam sistem penyampaian agar ia mencapai sasaran ditetapkan.

"Kita mahu semua projek yang dirancang dapat dilaksanakan segera dan lancar," katanya sambil menambah RMK-9 selari dengan hala tuju kerajaan negeri menjadikan Sabah negeri maju menjelang 2015. Justeru, katanya, projek RMK-9 itu sebenarnya amanah besar bersandarkan lima teras Misi

Nasional yang menguji kemampuan semua pihak, termasuk pemimpin dan rakyat.

Musa berkata, kerajaan negeri komited menjayakannya berteraskan beberapa strategi yang diberi penekanan.

Musa yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) Sabah melahirkan keyakinannya untuk menyaksikan pembangunan ekonomi negeri yang lebih produktif, sekali gus mengubah masa depan rakyat ke peringkat membanggakan.

Sabah, katanya, melihat rangka pembangunan RMK-9 sebagai perancangan komprehensif yang mencerminkan cetusan agenda berwawasan Perdana Menteri dalam membentuk sebuah negara maju, makmur dan bersatu padu, yang boleh dimegahkan seluruh lapisan masyarakat.